

KOTA

X-Treme gear
Genting Ahad ini

- Muka 3

Kempen derma
darah di Grand BlueWave

- Muka 8



Menginap di resort 'Ioteng'
Hulu Yam - Muka 12

Pusat Borong Nilai

Berwajah baru



Oleh ZANIFAH MD NOR
Gambar BAIZURA HARUN

BANDAR BARU NILAI 28 April - Sebahagian daripada Pusat Borong Nilai 3 yang terkenal sebagai medan menjual pelbagai jenis tekstil dan perabot kini tampil dengan wajah baru!

Berkonsep bumbung dengan warna biru laut dan taburan lampu linipah tatikala pada waktu malam, ia menjadikan Nilai 3 lebih menarik dan selesa untuk dikunjungi orang ramai.

Sebagai permulaan, menurut juruspeak Pemaju Perumahan Sungai Ramal (NS) Sdn. Bhd., dua deret kedai yang meliputi 40 unit kedai dua tingkat sahaja terbitat dengan projek yang diberi nama Nilai 3 Textile Walk ini.

Projek seluas 16 hektar yang dimulakan pada Januari tahun lepas, siap sepenuhnya pada Februari tahun ini dan telah pun dibuka kepada orang ramai.

Bumbung yang dibina bukan sahaja menjadi tempat berteduh kepada pengunjung malah ia juga dilengkapi ciri-ciri kalis cahaya dan mampu mengurangkan kepanasan terik cahaya matahari.

Ia juga mempunyai sistem penyejukan sendiri yang dibina secara terbuka. Selain kedai-kedai yang menjadi 'penghuni' tetap di kawasan Nilai 3, projek ber-

bumbung yang mesian belanja RM10 juta itu dilengkapi hampir 30 hingga 40 unit kios pada bahagian tengahnya.

Ia disediakan kepada para peniaga yang berminat untuk menjual barangan krafangan dan makanan ringan pada harga yang rendah.

Biarpun setiap satu unit kios tidak besar dan lebih berbentuk umpama 'gerai sorong', namun kebanyakan pengunjung tatikala hujung minggu dikatakan masih banyak menjangin pulangan yang tinggi kepada para peniaga.

Melihat kepada potensi yang ada, dari masa ke semasa, pusat borong tersebut akan sentiasa mendapat sentuhan baru demi kepentingan pengunjung.

Antaranya beberapa projek lain akan menyusul seperti Istanbul Walk, Tourist Park dan Pasar Rakyat Nilai 3.

Ummu mengetahui, keseronokan membeli belah di Nilai 3 memang tiada bernaikah.

Lambaian kain dan pakaian yang bergantungan boleh dilihat di mana-mana.

Ditambah barangan lain seperti barangan kraf tangan, peralatan rumah, aksesori kereta, peralatan landskap, pinggan mangkuk, bunga tiruan dan lain-lain membuatkan ramai pengunjung pening lahat dan kabur mata.

Kewujudan Textile Walk yang dilengkapi tempat permainan kanak-kanak dan beberapa tempat bersantai untuk pengunjung melepaskan lelah dianggap suatu

langkah bijak oleh penaja.

Akui salah seorang pengunjung dari

Trengganu, Lily Ahmad

Rosli, 24, konsep

berbumbung yang

diperkenalkan

memberikan se-

ribu keselesaan

kepada pengun-

gung berbanding

lot biasa yang

agak panas.

"Selesa sekali

kerana pengun-

gung bebas

membeli-belah

ketika hujan

dan panas. Jika

hujan, pengun-

gung boleh ber-

teduh, ketika

panas pula, ia

boleh dijadikan

tempat berhat,"

kata Lily yang

tertarik untuk

membeli-belah di situ

selepas diberitahu

oleh sepupunya.

Bagi Naimah Za-

kaia, 65, yang juga

datang dari Kuala

Trengganu, konsep

berbumbung di situ

amat sesuai untuk

orang ramai yang

datang bersama ah-

li keluarga lain.

Umpamanya

jika ibu bapa sibuk

membeli-belah, kanak-

kanak boleh diberi pilihan

ke tempat permainan yang

disediakan," katanya.



PELBAGAI barangan yang terdapat di Textile Walk yang dijual pada harga berpatutan.

TEMPAT permainan kanak-kanak turut disediakan.